

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 21/01/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / Bisnes (22)

Tajuk : Ahli ANGKASA ditawar ansuran beli barangan

Ahli ANGKASA ditawar ansuran beli barangan

Koperasi Era Maju Sistematik Bhd (Kop EMS) dan Koperasi Belia Islam (KBI) baru-baru ini memeterai perjanjian kerjasama membekalkan produk kepenggunaan seperti perabot dan barangan elektrik kepada dua juta ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA).

Naib Presiden ANGKASA, Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hasan, berkata kerjasama ini membolehkan ahli membeli barangan menerusi Sistem Potongan Gaji Biro ANGKASA (SPGA) dalam usaha memberi lebih kemudahan dan penjimatan.

“Jualan menerusi kerjasama ini diunjur mencecah RM50 juta pada tahun pertama dan RM250 juta pada tahun berikutnya,” katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis itu, baru-baru ini.

Sementara itu, Mohamad Ali berkata, kerjasama ini juga memberi peluang ahli koperasi untuk menambah pendapatan dengan menjadi ejen jualan.

“Selain daripada pusat pameran dan jualan secara fizikal, projek ini juga disokong sistem Program Pembangunan Enterprise Bumiputera (BEEP) yang membolehkan pelanggan membuat tempahan dalam atas talian,” katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA